



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**OPERASI SEPADU MENGUATKUASAKAN AKTA SUKATAN DAN TIMBANGAN 1983
PENGGAJAL 151 DAN AKTA KAWALAN HARGA, PENGGAJAL 142 DI DAERAH TEMBURONG**

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu secara bulanan ke atas beberapa buah premis perniagaan di Daerah Temburong pada hari Rabu, 23 April 2025.
2. Hasil daripada operasi tersebut didapati sebanyak sepuluh (10) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).
3. Sementara itu, pihak JPES telah mengeluarkan dua (2) Notis Amaran bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142, iaitu menjual minyak masak melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan kegagalan mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan.
4. Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah seksyen 3 (2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukatkan alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah. Di samping itu, para peniaga juga diingatkan untuk sentiasa mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul, serta mengoptimalkan aplikasi mudah alih *PenggunaBijak* untuk mendapatkan harga maksimum terkini bagi barangan dikawal harga dan seterusnya memastikan barangan berkenaan tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.
5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:
 - i. Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau talian 2334092; dan
 - ii. Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 dan aplikasi mudah alih *PenggunaBijak* atau e-mel kepada: aduanpengguna@jpes.gov.bn

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT),
Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.
E-mel: sdt@mofe.gov.bn

Rujukan: (065) KKW/SDT/ENF/04
Tarikh: 10 Zulkaedah 1446 / 8 Mei 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**JOINT OPERATION ON WEIGHTS AND MEASURES ACT 1983 CHAPTER 151 AND
PRICE CONTROL ACT, CHAPTER 142 AT TEMBURONG DISTRICT**

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) and Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through Department of Consumer Affairs under the Ministry of Finance and Economy conducted a monthly Joint Operation which was carried out at several business premises in Temburong District on Wednesday, 23 April 2025.
2. During the operation, SDT officers found ten (10) units of weighing machines used for trading purposes. All weighing machines are verified, accurate and registered accordance to Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 dan Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 Chapter 3 (1) and (2).
3. Meanwhile, the DEPS has issued two (2) Warning Notices for violations of the Price Control Act, Chapter 142 specifically, for selling cooking oil products above the prescribed maximum price and for failing to display prices on several items sold at the business premises.
4. Traders and users of weights and measures machine are required to comply as stipulated in the Weights and Measures (Verification) Regulations, 1994 under section 3 (2); Every person who uses or has in his possession for use of trading of any weight, measure or instrument for weighing not stamped as required by this regulation shall be guilty of an offence. Additionally, retailers are reminded to display prices clearly and accurately, and to utilize the *PenggunaBijak* mobile application to obtain the latest list of maximum prices for controlled items, ensuring that such items are not sold above the prescribed limits.
5. For any enquiries, the public may contact the relevant agencies as follows:
 - i. Weights and Measures Unit via email: sdt@mofe.gov.bn or contact at 233 4092; and
 - ii. Department of Consumer Affairs, DEPS via Talian Darussalam 123 and PenggunaBijak app, or email: consumercomplaint@jpes.gov.bn

-END-

Prepared by:
Weights and Measures Unit (SDT),
Industry and Business Ecosystem Division (IBE),
Ministry of Finance and Economy.
E-mail: sdt@mofe.gov.bn

Reference: (065) KKW/SDT/ENF/04
Date: 10 Zulkaedah 1446 / 8th May 2025

OPERASI SEPADU MENGUATKUASAKAN AKTA SUKATAN DAN TIMBANGAN 1983 PENGAL 151 DAN AKTA KAWALAN HARGA, PENGAL 142 DI DAERAH TEMBURONG

